

25 FEB 2004

Isa-Ruslan

RUSLAN KASSIM AKAN BERKEMPEN BANTU CALON BN

SEREMBAN, 25 Feb (Bernama) -- Bekas Pengerusi Perhubungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Negeri Sembilan Ruslan Kassim yang menyertai semula Umno baru-baru ini, berjanji akan membantu calon Barisan Nasional (BN) berkempen pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata Ruslan menyatakan kesediaannya membantu kerajaan dan calon BN bagi menjelaskan kedudukan parti Keadilan dan isu yang sengaja dimainkan pembangkang kepada rakyat.

"Ruslan menemui saya hari ini dan bersetuju membantu kerajaan dan calon BN. Umno sebuah parti yang terbuka dan sesiapa yang silap dan ingin kembali ke pangkal jalan, Umno terima.

"Kita akan buat program dan Ruslan akan berceramah untuk menjelaskan keadaan sebenar dalam parti Keadilan kepada rakyat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat minggu Exco di sini hari ini.

Ditanya kenyataan Persurujaya PAS Negeri Sembilan Dr Rosli Yaakop yang mencabarnya berdebat sebarang isu semasa kempen pilihan raya umum nanti, Menteri Besar berkata tiada apa isu yang hendak didebatkan.

"Sebenarnya parti pembangkang ini tidak ada isu untuk dibangkitkan dan untuk menarik perhatian, mereka sengaja menimbulkan isu.

"Perbezaan antara parti kerajaan dengan pembangkang ialah kerajaan berdasarkan perstasi, manakala pembangkang sentiasa mencari isu," katanya.

Malah, pembangkang "mengitar semula" isu seperti penubuhan Negara Islam dan sebagainya sedangkan isu tidak berbangkit kerana memang Malaysia telah diakui oleh masyarakat kita dan masyarakat luar sebagai sebuah negara Islam, katanya.

"Malah Dokumen Negara Islam PAS itu hanya retorik sahaja. Itu pun PAS membuatnya setelah dicabar oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Dalam perkembangan lain, Menteri Besar berkata kerajaan negeri

telah  
selesai menjalankan Kajian Pelan Untuk Tebatan Banjir Sungai Muar  
yang  
bertujuan mengambil langkah-langkah perlu bagi mengurangkan banjir  
di  
beberapa kawasan di Gemas dan Segamat.

Katanya kerajaan negeri akan memohon peruntukan daripada  
kerajaan pusat  
dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi melaksanakan  
projek-projek  
tebatan itu dan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri Johor bagi  
memastikan projek tersebut dapat mengatasi masalah banjir di Gemas  
dan  
Segamat.

-- BERNAMA  
APG LAT